



## GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



**Hubung**

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Trinita 6 - 7 Julai 2024

### Doa Hari Ini

Tuhan, Engkau telah mengajar kami bahawa segala perbuatan kami adalah sia-sia jika tidak dilakukan dengan kasih. Kirimkan Roh Kudus-Mu dan curahkan ke dalam hati kami pemberian kasih yang terutama iaitu ikatan damai sejahtera dan segala kebenaran, dan tanpa-Nya sesiapa yang hidup dianggap mati di hadapan-Mu. Berikan permintaan kami ini demi Anak-Mu yang tunggal Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Lukas 4:22-30      Pembacaan Berbalas-balas - 2 Korintus 5:14-18



**Engkau yang membuka tangan-Mu;**  
yang berkenan mengenyangkan segala yang hidup.  
- baca Mazmur 145:15-16

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit  
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

### 1. **KEGIATAN HARI INI**

'Terokai Kristianiti' bermula hari ini. Lebih 100 orang telah mendaftar. BC - 10:00 pagi; BI - 12:00 tengah hari; dan, BM - 2:00 petang. Semua sesi diadakan di Dewan Alpha.


'TK' ialah kursus 7 minggu untuk memperkenalkan Yesus menerusi Injil Markus. Setiap sesi terdiri daripada jamuan, menonton video, membincangkan bahan pelajaran dan meneroka implikasi mengikut Yesus. Topik hari ini adalah mengenai 'Berita Baik' - kajian ringkas tentang 'Injil' atau Berita Baik tentang Yesus. Doakan respon yang baik.



### 2. **MALAM DOA PUJIAN** - TIADA ibadah dijalankan untuk malam ini.

### 3. **KEGIATAN HARI ESOK**

Lebih daripada 30 anggota Evergreens kita menyertai retret warga emas dari seluruh diosis di Sandakan, bermula esok hingga Rabu. Ps. Margaret dan beberapa pemimpin akan mengetuai pasukan. Mereka kembali pada Khamis. Lebih 500 warga emas telah mendaftar. Bishop Chen Fah merupakan salah seorang penceramah. Doakan kesemua yang terlibat.



### 4. **SIRI KHUTBAH**

Kita memulakan siri khutbah baharu tentang 'Allah Elia':

- 7 Jul - Dia menyediakan: 1 Raja 17 (Kerit & Sarfat)
- 14 Jul - Dia menjaga - 1 Raja 18a (Obaja)
- 21 Jul - Dia mendedahkan - 1 Raja 18b (gunung Karmel)
- 28 Jul - Dia mencabar - 1 Raja 19 (Gunung Horeb)
- 4 Ogos - Dia memberi pembalasan - 1 Raja 21 (kebun anggur Nabot)
- 11 Ogos - Dia menghakimi - 2 Raja 1 (penyembahan berhala Ahazia)
- 18 Ogos - Minggu Penetapan
- 25 Ogos - Dia memerintah - 2 Raja 2 (Kenaikan Elia)



### 5. **PERSEKUTUAN DOA GEREJA**

Bermula Julai ini, Persekutuan Doa bulanan kita akan disambung semula: pertemuan doa secara hibrid - di gereja dan dalam talian:

- BI - 11 Julai; seterusnya pada Khamis kedua untuk tiap bulan.

- BC - 18 Julai; seterusnya pada Khamis ketiga untuk tiap bulan.

## 6. PENETAPAN

Minggu Penetapan adalah pada tanggal 18 Ogos. Bishop Datuk Melter Tais akan hadir dan mendoakan untuk dua kumpulan orang:

- mereka yang dibaptis ketika mereka masih kecil. Sekarang, mereka sudah cukup dewasa untuk membuat keputusan dan menyatakan sendiri keinginan mereka untuk mengikut Yesus;
- mereka yang dari latar belakang gereja lain tetapi kini ingin menyertai komuniti gereja Anglikan. Sila mendaftar. Rektor kita akan berjumpa dengan anda.

## 7. PROJEK LABUR - terima-kasih!!

Terkini: RM94,772/- Minggu lepas: RM35,320/- Masih diperlukan: RM505,228/-

## 8. PELAYANAN-PELAYANAN LAIN

- 12-13 Julai, Jumaat & Sabtu depan - **Global Worship** (atau Penyembahan Sedunia), di gereja kita. 13 pasukan pujian & penyembahan mengetuai sesi ibadah pujian. Mereka berasal dari daerah lain di Sabah, dan dari Sarawak, Brunei dan Kalimantan Barat. Pada hari Sabtu, 13 Julai, sesi ibadah bermula dari 9:00 pagi-9:00 malam. Pasukan yang berbeza akan memimpin, sambung-menyambung. Semua dialu-alukan.
- 13 Julai, Sabtu - **mesyuarat PCC**. Jika anda mempunyai sebarang urusan untuk diperhatikan oleh PCC, sila hubungi sesiapa sahaja daripada mereka.
- **Gubahan bunga** untuk hari ini disumbangkan oleh Mairin, Mumui, Man Yi & Fera.



## 9. TURUT BERDUKACITA

Salam takziah kepada keluarga:

- Chin Fung Yin, 85. Pn. Chin merupakan mantan guru di Tadika St. Monica, Sandakan. Sebulan sekali, kami mengunjungi kediamannya di Likas, untuk Perjamuan Kudus Rumah. Pengebumian ialah hari esok, 8 Julai, di rumah pengebumian FLS, 9:30 pagi.
- Peter Wu Yong Ling, 87. En. Peter sentiasa beribadah dalam Kebaktian Cina dan telah melayani di gereja kita selama bertahun-tahun. Pengebumian adalah pada Khamis, 11 Julai, di gereja kita, pukul 9:30 pagi.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



# CIPTAAN BARU DIDALAM KRISTUS YESUS

2 Korintus 5:14-18

## 1) ADAM PERTAMA TELAH MEMBAWA KEMATIAN KEPADA SEMUA ORANG (ay.14)

- Galatia 3:13
- Kolose 1:13

## 2) KRISTUS MATI UNTUK SEMUA DAN MEMBERI KEHIDUPAN UNTUK SEMUA ORANG PERCAYA (ay.15-16)

- Efesus 1:17
- Yohanes 3:16

## 3) CIPTAAN BARU DI DALAM KRISTUS YESUS (ay.17)

Apakah perubahan dalam hidup bila sudah menjadi Manusia Baru?

- Ada Iman
- Kekudusan
- Kepenuhan Roh Kudus
- Memilik buah-buah Roh dan Karunia-Karunia Roh.
- Intim dengan Tuhan Yesus

### UNTUK DIDOAKAN

#### Kota kita yang tercinta

- berdoa untuk mereka yang terkesan disebabkan banjir di kawasan Penampang dan Inanam.  
[ agar bekalan dan bantuan yang mereka perlukan akan sampai dengan cepat ]

#### Gereja kita yang terkasih

- berdoa untuk kursus Terokai Kristiani agar berjalan dengan lancar  
[ sahabat-sahabat kita dapat bermanfaat dari masa yang diluankan bersama ]

#### Diri kita sendiri

- iman yang lebih besar untuk percaya Tuhan menyediakan keperluan kita  
[ kemurahan hati untuk berkongsi kepada yang memerlukan ]
- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.